

KEBERKESANAN PROGRAM EKOPELANCONGAN KAWAN ISKANDAR MALAYSIA KEPADA MASYARAKAT PESISIR DI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA

MOHD ZULHAFIZ SAID*, IBRAHIM KOMOO AND EDY TONNIZAM MOHAMAD

Pusat Geokejuruteraan Tropika (GEOTROPIK), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor.

*Corresponding author: mzulhafizsaid@gmail.com

Submitted final draft: 15 April 2021

Accepted: 09 May 2021

<http://doi.org/10.46754/jssm.2022.01.015>

Abstrak: Akibat pembangunan pesat, masyarakat pesisir terutamanya di Wilayah Iskandar Malaysia (WIM) berdepan dengan masalah pembangunan yang pesat, pencemaran alam sekitar dan integriti ekosistem sehingga menjejaskan pendapatan mereka, khususnya nelayan. Rentetan itu, Kerajaan Negeri Johor, melalui Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) telah melaksanakan sebuah program iaitu Kawan Iskandar Malaysia (KIM) bagi membantu ekonomi penduduk melalui pembangunan koperasi. Komuniti di kawasan pesisir juga diberi peluang menyertai program ini melalui projek ekopelancongan. Bagi menilai keberkesanannya, lima buah kampung telah dipilih dan dikelaskan kepada tiga kategori. Kategori pertama merupakan peserta KIM, nelayan dan menjalankan aktiviti ekopelancongan melibatkan Kampung Sungai Melayu, Kongkong Laut dan Permas Besar. Kampung Permas Besar terletak di pinggir Wilayah Iskandar. Kategori kedua adalah peserta KIM dan menjalankan aktiviti ekopelancongan tetapi bukan dalam kalangan nelayan iaitu Kampung Ulu Pulau. Kategori ketiga adalah bukan peserta KIM tetapi nelayan dan menjalankan aktiviti ekopelancongan melibatkan Kampung Perpat Timbul. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu survei kepada penduduk tempatan di kawasan kajian. Dapatan kajian menunjukkan program KIM melalui koperasi adalah satu pendekatan terbaik untuk membangun ekonomi penduduk setempat. Walaubagaimanapun, masalah seperti pengurusan dan pentadbiran, fahaman politik dan kronisme perlu diberi perhatian dan ditambah baik untuk kesejahteraan bersama.

Kata kunci: Pembangunan Lestari Wilayah, Kawan Iskandar Malaysia, Masyarakat Pesisir, Ekopelancongan.

EFFECTIVENESS OF ECOTOURISM PROGRAM KAWAN ISKANDAR MALAYSIA TO THE COASTAL COMMUNITIES IN ISKANDAR MALAYSIA REGION

Abstract: Due to rapid development, the coastal communities, especially in the Iskandar Malaysia Region (WIM), are facing threats of the rapid development, environmental pollution, and ecosystem integrity affecting their income, especially the fishermen. Being aware of the issues, the Johor State Government through the Iskandar Regional Development Authority (IRDA) has implemented a program named Kawan Iskandar Malaysia (KIM) to help boost the economy of the people through cooperative development. Communities in coastal areas are given opportunities to participate in ecotourism projects. To examine the program's effectiveness, five villages were selected and classified into three categories. The first category consists of fishermen from KIM participants involved in ecotourism activities at Kampung Sungai Melayu, Kongkong Laut, and Permas Besar. Kampung Permas Besar is located on the outskirts of the Iskandar Region. The second category consists of non-fishermen from KIM participants who are involved in ecotourism activities at Kampung Ulu Pulau. The third category is made up of non-KIM participants but worked as fishermen and are involved in ecotourism activities at Kampung Perpat Timbul. This study uses a quantitative method that is a survey administered to the locals in the study area. The findings of the study revealed that the KIM project through cooperatives

is one of the best approaches to develop the economy of the locals. However, issues such as management and administration, political ideology, and cronyism need to be looked into seriously and improved for the common good.

Keywords: Regional Sustainable Development, Kawan Iskandar Malaysia, Coastal Community, Ecotourism.

Pendahuluan

Penyelidikan tentang Pembangunan Lestari Wilayah (PLW) di bawah Kursi Iskandar Malaysia@Universiti Teknologi Malaysia (IM@UTM) bertujuan untuk meneroka ilmu ke arah penyelesaian pembangunan lestari, membolehkan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan UTM mengembangkan dan mengguna pakai teori dan praktis tentang PLW di negeri Johor amnya, dan Wilayah Iskandar Malaysia (WIM) khususnya. Salah satu projek penyelidikan yang dilaksanakan adalah meneliti kesejahteraan kehidupan komuniti nelayan di dalam dan pinggir WIM. Desakan dari pembangunan yang telah dirancang dan telah dilakukan di negeri Johor terutamanya di WIM telah memberi kesan kepada penduduk setempat, khususnya nelayan. Punca utama pendapatan nelayan adalah bergantung kepada hasil tangkapan yang perolehi setiap hari. Proses pembangunan, pengambilan tanah untuk projek pembangunan, kewujudan pulau buatan menyebabkan hasil tangkapan nelayan semakin berkurang dan menjejaskan pendapatan mereka. Mereka juga sedang berhadapan dengan masalah pencemaran, kepupusan spesies marin serta perubahan terhadap morfologi dan ekologi sungai di kawasan mata pencarian mereka. Jelas sekali, penduduk setempat terutamanya di kawasan pesisir WIM memerlukan sumber pendapatan alternatif yang dapat membantu menampung keperluan kehidupan mereka di sebalik kerancangan pembangunan yang berlangsung di sekitar. Oleh yang demikian, melalui usaha penyelidikan yang dilakukan, kertas ini akan memperlihatkan keberkesanan program Kawan Iskandar Malaysia (KIM) dalam membantu dan melestarikan sosioekonomi komuniti pesisir di dalam dan pinggir WIM melalui projek ekopelancongan. Pada masa yang

sama mencadangkan langkah penambahbaikan kepada usaha murni ini.

Menerusi Wawasan Pembangunan Sosial IRDA, matlamat utama adalah untuk mempunyai sebuah komuniti yang makmur dan harmoni berteraskan penglibatan sosial dan perkongsian kemewahan yang saksama. Realisasi wawasan ini dijayakan melalui hubungan strategik dua peringkat. Peringkat pertama adalah dengan melibatkan masyarakat dalam aktiviti sosioekonomi dan peringkat kedua adalah kesediaan masyarakat untuk menyertai dan menjayakannya. Usaha dan tindakan berstrategik ini dilaksanakan melalui Pelan Modal Insan Iskandar Malaysia dengan inisiatif dan program khusus untuk membangun modal insan, ekonomi, sosial dan komuniti di samping peningkatan kualiti hidup (Iskandar Malaysia, 2012; Ibrahim, 2019).

Kawan Iskandar Malaysia dan Gerakan Keusahawanan Sosial

Pada tahun 1987, *World Commission on Environment and Development* telah mencetuskan fenomena baharu agenda pembangunan dunia untuk masa hadapan. Menerusi bukunya, *Our Common Future*, memberikan nafas baharu tentang kepentingan membangun secara lestari. Pembangunan lestari adalah pembangunan yang memenuhi keperluan generasi masa kini tanpa mengabaikan keperluan generasi akan datang (WCED, 1987). Ia melibatkan pengurusan bersama dan terintegrasi, ketersediaan sumber dan kekangannya, bersifat jangka panjang dengan mengambil kira aspek persekitaran, ekonomi dan sosial (WCED, 1987; Fien, 1997; Hall, 1998; Hopkins & McKeown, 2002; Sterling, 2003; Perman *et al.*, 2003; Scoullos & Malotidi, 2004; Moroye, 2005; Sneddon *et al.*, 2006; Joshi, 2009; Huckle, 2009; Hazura, 2009; Ibrahim, 2019).

Sementara itu, IRDA, menerusi Wawasan Pembangunan Sosialnya, telah terarah kepada membangun kesejahteraan komuniti setempat yang juga merupakan penduduk di WIM. Penglibatan bersama dan penyertaan komuniti setempat menjadi indikator utama kepada pembangunan sosial yang dirancang serta memastikan kesejahteraan mereka di WIM. Oleh itu, IRDA telah memperkenalkan sebuah projek khusus untuk pembangunan komuniti iaitu Iskandar Malaysia, 2013 (KIM). Projek KIM yang dilaksanakan menyasarkan pembangunan sosioekonomi golongan berpendapatan rendah di bawah RM3,000.00 sebulan, di 14 buah mukim dalam WIM. Mukim tersebut adalah Mukim Sedenak, Bukit Batu, Senai Kulai, Sungai Tiram, Plentong, Tebrau, Bandar Johor Bahru, Pulai, Jelutong, Tanjung Kupang, Jeram Batu, Pontian, Sungai Karang dan Serkat (Iskandar Malaysia, 2013; Iskandar Malaysia, 2014; Iskandar Malaysia, 2015; Iskandar Malaysia, 2016; Iskandar Malaysia, 2017; Iskandar Malaysia, 2018). Inisiatif untuk menjayakan program ini mendapat sokongan penuh daripada Kerajaan Negeri Johor. Sebanyak RM14 juta diperuntukan melalui skim pinjaman mudah dengan kerjasama Bank Rakyat Berhad. Projek KIM berusaha untuk menjana pendapatan dan berkongsi kekayaan dengan penduduk yang berpendapatan rendah akibat dari perubahan cara hidup disebabkan oleh pembangunan di WIM. Ia juga merupakan peluang kepada penduduk tempatan untuk turut serta dan meningkatkan pendapatan mereka dengan memanfaatkan kelebihan unik yang ada di persekitaran mereka seperti contoh menjalankan program ekopelancongan.

Ekopelancongan didefinisikan sebagai pengembaraan perjalanan dan lawatan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar, menikmati dan menyedari akan sifat semula jadi termasuk sifat kebudayaan, menggalakkan elemen pemuliharaan, meninggalkan kesan negatif yang rendah serta melibatkan penduduk tempatan secara aktif dalam aktiviti sosioekonomi setempat (Reichert, 1994; Ceballos-Lascurain, 1996; JPBD, 1996; Scheyvenes, 1999; Ros & Wall, 1999; Blamey,

2001; Weaver, 2001; Er & Nurul, 2013; Reimer & Walter, 2013). Ekopelancongan bercirikan pembangunan lestari tanpa musnah (Chan & Barrow, 2010; Er & Nurul, 2013; Azreen *et al.*, 2013), mendatangkan faedah kepada komuniti, mewujudkan peluang pekerjaan, adanya operator berkemahiran dan mempunyai penyampaian yang berkualiti, menghormati kebudayaan setempat, diurus dengan cemerlang untuk kelestarian jangka panjang, dan meningkatkan usaha konservasi terutamanya di kawasan sensitif alam sekitar (Eagels, 1996; Duffy, 2002; Higham, 2007; Wearing & Neil, 2009). Secara praktikalnya, program KIM yang dijalankan melibatkan pewujudan sebuah koperasi yang dianggotai dan diuruskan oleh penduduk di sekitar kawasan untuk menjalankan perniagaan (Iskandar Malaysia, 2013; Iskandar Malaysia, 2014; Iskandar Malaysia, 2015; Iskandar Malaysia, 2016; Iskandar Malaysia, 2017; Iskandar Malaysia, 2018). Program ini juga merupakan sebahagian daripada usaha pemerikasaan ekonomi. Pemerikasaan ekonomi adalah keupayaan wanita dan lelaki untuk turut serta, menyumbang dan memanfaatkan proses pertumbuhan dan pembangunan dengan menghargai nilai dan sumbangan, dan hak dan pengagihan manfaat yang lebih adil kepada mereka (Allendorf, 2007; Eyben, 2008; Fox & Romero, 2017). Pemerikasaan ekonomi juga merupakan kemampuan untuk membuat dan bertindak berdasarkan keputusan yang melibatkan kawalan dan peruntukan sumber kewangan, (Golla *et al.*, 2011) menggabungkan konsep pemerikasaan dan kemajuan ekonomi (Global Affairs Canada, 2013). Antara elemen utama dalam pemerikasaan ekonomi adalah tindakan dan keputusan untuk ekonomi (Kabeer, 2005), ilmu dan kemahiran (Rowlands, 1997; VeneKlasen & Miller, 2002), akses dan penguasaan sumber dan keperluan asas, kesamarataan pemilikan hak ekonomi dan mengurangkan diskriminasi dan bias (Rowlands, 1997; VeneKlasen & Miller, 2002; Sarmila *et al.*, 2012; Hasin *et al.*, 2018).

Sejak dilaksanakan pada tahun 2013, projek KIM ini telah membuktikan kesannya terhadap peningkatan pendapatan dan pembangunan

komuniti. Tidak terkecuali, penduduk dan komuniti nelayan di dalam dan pinggir WIM. Antaranya, Kampung Sungai Melayu dan Kongkong Laut. Aktiviti utama projek KIM kepada golongan ini adalah ekopelancongan. Program ekopelancongan KIM yang dijalankan memberi peluang kepada penduduk setempat dalam membangunkan diri dan komuniti secara lestari. Pembangunan ekopelancongan memberi impak yang positif kepada aktiviti sosioekonomi komuniti setempat terutamanya melalui aktiviti ekopelancongan (Er & Nurul, 2013; Ceballos-Lascurain, 1996; Butler, 1980). Aktiviti ekopelancongan yang berlangsung adalah berfungsi sebagai sebuah industri (Dina Syamilah & Abdul Mutalib, 2020; Steward & Sekartjajrarini, 1994) yang mewujudkan peluang pekerjaan seperti pemandu pelancong (Er *et al.*, 2012) dan perniagaan kepada komuniti setempat dan pada masa yang sama membantu menaik taraf kemudahan infrastruktur pelancongan di sesebuah kawasan (Christopher, Zaini & Siti Khatijah, 2016). Aliran wang yang masuk melalui aktiviti ekopelancongan akan menyokong kepada pembangunan ekonomi penduduk setempat, meningkatkan kesejahteraan kepada penduduk setempat (Reimer & Walter, 2013; Tsaur, Lin & Lin, 2006, Tosun, 2000) di samping memberi lebih kepuasan kepada komuniti tersebut (Kim, Uysal & Sirgy, 2013).

Melalui KIM, ia diuruskan oleh sebuah koperasi kampung yang telah diwujudkan bersama. Sementara itu, usaha pembangunan kapasiti juga turut diberikan kepada peserta

projek KIM. Ia bertujuan untuk mempersiapkan dan memperkasa peserta projek KIM dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelancong. Peserta mempelajari kursus bahasa seperti bahasa Arab, Jepun, Mandarin dan Inggeris. Pada masa yang sama, setiap koperasi yang telah diwujudkan dari projek KIM ini juga dibantu. Antara jenis bantuan adalah infrastruktur pejabat pengurusan dan operasi, ruang dan premis untuk perniagaan beroperasi, serta bantuan promosi. Sehingga tahun 2018, jumlah pendapatan peserta KIM telah meningkat kepada 53 peratus, manakala jumlah kemasukkan pelancong pula melebihi 35,000 orang merangkumi tempatan dan antarabangsa (Iskandar Malaysia, 2013; Iskandar Malaysia, 2014; Iskandar Malaysia, 2015; Iskandar Malaysia, 2016; Iskandar Malaysia, 2017; Iskandar Malaysia, 2018).

Tidak boleh dinafikan, projek KIM yang telah dilaksanakan ini juga merupakan sebuah bentuk gerakan keusahawanan terutamanya melibatkan penglibatan sosial iaitu masyarakat pesisir di dalam dan pinggir WIM. Ia melibatkan pewujudkan organisasi khas untuk membendung masalah sosial dan membentuk budaya berinovatif serta melahirkan usahawan untuk masyarakat (Neck *et al.*, 2009) dan individu atau kumpulan yang mengambil risiko untuk menjayakan budaya keusahawanan sosial (Zahra *et al.*, 2009). Rajah 1 menerangkan konsep gerakan keusahawanan berdasarkan Tipologi Gerak Keusahawanan oleh Neck *et al.* (2009). Tipologi gerakan keusahawanan tersebut adalah berkaitan dimensi Misi Organisasi (strategi,

Misi Organisasi

		Ekonomi	Sosial
<u>Impak</u>	Ekonomi	Keusahawanan Tradisional (2)	Perusahaan Bertujuan Sosial (1)
	Sosial	Perusahaan dengan Akibat Sosial (3)	<i>Enterprising Nonprofits</i> (4)

Rajah 1: Tipologi Gerak Keusahawanan (Neck *et al.*, 2009)

polisi, pendekatan dalam operasi) dengan Impak aktiviti (ukuran pencapaian organisasi kepada pihak berkepentingan) (Suraiya & Ahmad Rafis, 2015).

Merujuk kepada Rajah 1, terdapat empat kuadran iaitu kuadran 1 melibatkan perusahaan bertujuan sosial, kuadran 2 melibatkan keusahawanan tradisional, kuadran 3 melibatkan perusahaan dengan akibat sosial dan kuadran 4 melibatkan *enterprising nonprofits*. Gerakan keusahawanan yang melibatkan organisasi yang mementingkan keutamaan ekonomi sepenuhnya adalah melibatkan keusahawanan tradisional iaitu pada kuadran 2, dan mempunyai impak sosial iaitu perusahaan dengan akibat sosial pada kuadran 3. Sementara organisasi yang mempunyai keutamaan sosial sepenuhnya seperti *enterprising nonprofits* pada kuadran 4, dan pada masa yang sama memiliki impak ekonomi iaitu perusahaan bertujuan sosial terletak pada kuadran 1 (Neck *et al.*, 2009; Suraiya *et al.*, 2012; Suraiya *et al.*, 2013; Suraiya *et al.*, 2015).

Bagi kes penyelidikan ini, gerakan keusahawanan yang berlaku adalah melibatkan kuadran 3 iaitu perusahaan dengan akibat sosial di mana sesebuah organisasi yang menjalankan perusahaan dengan keutamaan ekonomi dan pada masa yang sama memberikan impak perubahan sosial masyarakat yang terlibat.

Metodologi

Penyelidikan ini melibatkan pengumpulan data primer melalui pendekatan kuantitatif. Ia merangkumi soalan berbentuk nominal dan skala Likert serta soalan berbentuk terbuka pada soal selidik. Soal selidik dibangunkan bertujuan untuk mengetahui persepsi umum komuniti setempat tentang keberkesanan projek KIM di kawasan pembangunan ekopelancongan melibatkan komuniti nelayan. Pembangunan soalan bagi soal selidik adalah berdasarkan kepada beberapa fokus iaitu 1) Demografi responden termasuklah jantina, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan perbelanjaan bulanan; 2)

Tahap kefahaman terhadap IRDA dan WIM; 3) Tahap atau bentuk penglibatan penduduk terhadap matlamat pembangunan di WIM; 4) Tahap penerimaan komuniti nelayan terhadap program yang dijalankan oleh IRDA; 5) Impak projek KIM kepada penduduk dan koperasi; dan 6) Peluang dan cabaran pembangunan WIM kepada penduduk setempat.

Pemilihan kampung kajian pula dilakukan menerusi kaedah persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan digunakan bagi memastikan kampung yang dipilih adalah termasuk di dalam dan pinggir WIM. Pada masa yang sama, mereka menjalankan aktiviti ekopelancongan. Berdasarkan kepada kaedah tersebut, senarai pemilihan kampung bagi tujuan penyelidikan ini adalah seperti di Jadual 1. Terdapat empat kampung di dalam WIM iaitu Kampung Sungai Melayu, Ulu Pulai, Kongkong Laut dan Perpat Timbul. Manakala, hanya sebuah kampung di pinggir WIM iaitu Kampung Permas Besar.

Jadual 1: Pemilihan kampung berdasarkan kaedah persampelan bertujuan

Kampung dalam WIM	Kampung Pinggir WIM
Kampung Sungai Melayu	Kampung Permas Besar
Kampung Ulu Pulai	
Kongkong Laut	
Kampung Perpat Timbul	

Senarai kampung yang telah dipilih, dikategorikan mengikut kaedah Persampelan Berstrata. Persampelan Berstrata digunakan bagi memastikan sampel kajian yang diperolehi adalah komprehensif, iaitu mewakili setiap kategori yang telah ditetapkan. Terdapat tiga kategori pemilihan kampung seperti di Jadual 2. Kategori I adalah melibatkan peserta KIM, nelayan dan menjalankan aktiviti ekopelancongan. Ia melibatkan Kampung Sungai Melayu, Kongkong Laut dan Permas Besar. Kampung Permas Besar adalah kampung di pinggir WIM.

Manakala kategori II juga merupakan peserta KIM, serta menjalankan aktiviti ekopelancongan. Kampung yang terlibat adalah Kampung Ulu Pulau. Bagi kategori ini, penduduk di Kampung Ulu Pulau pada asalnya merupakan nelayan iaitu di bahagian ulu Sungai Pulau. Sehingga kini masih ada beberapa bot yang pergi ke laut melalui Sungai Pulau yang terdapat di bahagian belakang kampung ini. Dapatan dari kawasan juga penting dalam menilai keberkesanan projek KIM yang berlangsung. Seterusnya adalah kategori III. Kategori ini melibatkan nelayan dan menjalankan aktiviti ekopelancongan tetapi bukan peserta KIM. Ia melibatkan Kampung Perpat Timbul. Kampung ini adalah terletak di dalam WIM. Dapatan yang diperoleh dari kawasan ini membantu melihat tahap dan keberkesanan serta kejayaan projek KIM yang dilaksanakan tersebut.

Seterusnya, pemilihan responden bagi soal selidik dilakukan menerusi persampelan rawak mudah. Tujuan pensampelan rawak mudah digunakan adalah untuk memberi peluang sama rata kepada penduduk kampung untuk terlibat

sebagai sampel bagi kajian ini yang mewakili setiap kampung yang terpilih. Seramai 211 orang penduduk kampung telah terlibat dalam kajian ini seperti di Jadual 3.

Sementara itu, pengumpulan data sekunder bagi kajian dilakukan menggunakan kaedah analisis dokumen. Kaedah analisis dokumen adalah suatu bentuk analisis terhadap bahan media cetak seperti akhbar, laporan tahunan, majalah, jurnal, buku, laporan bertulis, minit mesyuarat dan sebagainya, serta bahan elektronik seperti filem, drama, rancangan televisyen, radio dan papan iklan (Norzaini *et al.*, 2017). Data sekunder ini digunakan untuk mengkaji beberapa istilah, perkataan, konsep, tema, frasa yang ada dalam media berkenaan. Kaedah analisis dokumen ini boleh digunakan untuk mengumpul maklumat secara kualitatif dan kuantitatif (Creswell & Clark, 2007; Leedy & Ormrod, 2013; Cooper & Schindler, 2014; Norzaini *et al.*, 2017).

Data yang diperoleh dari lapangan telah digunakan untuk dianalisis. Analisis data soal selidik bagi kajian ini melibatkan dapatan

Jadual 2: Kategori pemilihan kampung berdasarkan persampelan berstrata

	Kategori	Kampung
I	Kawan Iskandar Malaysia Nelayan Ekoopelancongan	Kampung Sungai Melayu Kongkong Laut Kampung Permas Besar
II	Kawan Iskandar Malaysia Bukan Nelayan Ekoopelancongan	Kampung Ulu Pulau
III	Bukan Kawan Iskandar Malaysia Nelayan Ekoopelancongan	Kampung Perpat Timbul

Jadual 3: Jumlah responden soal selidik

Kategori	Kampung	Lelaki	Perempuan
I	Kampung Sungai Melayu	26	24
	Kongkong Laut	17	15
	Kampung Permas Besar	33	12
II	Kampung Ulu Pulau	28	37
III	Kampung Perpat Timbul	9	10
	JUMLAH	113	98

data berbentuk kuantitatif. Dapatan kuantitatif diperoleh daripada soalan berbentuk nominal (Ya, Tidak, dan Tidak Pasti), serta soalan berbentuk skala Likert (Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Tidak Pasti, Setuju dan Sangat Setuju). Dapatan ini dianalisis menggunakan program perisian komputer SPSS melibatkan analisis statistik deskriptif dan juga dikelaskan berdasarkan tema-tema yang berkaitan (Miles & Huberman, 1994; Bogdan & Biklen, 2006; Norzaini *et al.*, 2017).

Hasil dan Perbincangan

Secara keseluruhannya, jumlah bilangan responden yang diperolehi bagi kajian ini adalah seramai 211 orang (Rujuk Jadual 3). Berdasarkan Jadual 4, majoriti responden adalah lelaki iaitu 53.6 peratus berbanding wanita. Kebanyakan responden adalah berumur lingkungan 21 hingga 71 tahun dan ke atas. Secara umumnya di keseluruhan tempat, bagi kategori I, II dan III, majoriti responden adalah berumur 41 tahun ke atas. Umur tertinggi responden adalah lingkungan 51 hingga 60 tahun.

Begitu juga dengan tahap Pendidikan responden. Kebanyakan responden adalah berpendidikan sekolah rendah hingga sekolah menengah SPM sahaja. Tahap pendidikan sekolah menengah SPM dan sekolah rendah UPSR adalah yang tertinggi. Manakala pekerjaan nelayan merupakan jenis pekerjaan yang tertinggi. Dari segi pendapatan pula, majoriti responden adalah berpendapatan kurang daripada RM1000 sebulan. Berdasarkan kepada demografi ini, golongan yang aktif berada di kampung adalah merupakan golongan yang berumur melebihi 40 tahun. Berdasarkan kepada keadaan sekeliling kawasan yang sedang membangun, golongan remaja akan keluar untuk bekerja di kawasan perusahaan sekitar serta berlaku proses penghijrahan ke luar dari kampung. Oleh kerana tahap pendidikan responden kebanyakannya adalah tiada pendidikan formal sehingga sekolah menengah SPM sahaja, menyebabkan kebanyakan responden memilih untuk bekerja sebagai nelayan dan memperoleh pendapatan di bawah RM1000

pada setiap bulan. Berdasarkan kepada laporan survei pendapatan isi rumah dan kemudahan asas tahun 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan garis kemiskinan (PGK) adalah sebanyak RM2,208. Ia terbahagi kepada PGK makanan sebanyak RM1,169 dan PGK bukan makanan sebanyak RM1,038. Bagi negeri Johor, PGK baharu yang telah ditetapkan adalah sebanyak RM2,505 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Berdasarkan kepada PGK ini, majoriti responden adalah tergolong di bawah PGK Malaysia dan Johor. Sebanyak 50.2 peratus responden adalah berpendapatan kurang daripada nilai PGK makanan yang sepatutnya diperlukan pada setiap bulan.

Secara umumnya, program ekopelancongan KIM di keseluruhan kawasan kajian adalah projek seperti menelusuri kawasan paya bakau di sekitar kampung dan juga kawasan Ramsar seperti di Sungai Pulai, Pulau Kukup dan Tanjung Piai. Aktiviti ini adalah aktiviti utama yang mendapat sambutan daripada pelancong. Peserta koperasi KIM akan menjadi jurupandu dan pemandu pelancong. Selain itu, antara aktiviti ekonomi lain yang turut bergerak aktif hasil daripada program ekopelancongan KIM adalah aktiviti ekonomi berteraskan sektor perikanan dan ternakan kupang, perusahaan belacan, ikan kering, keropok kupang dan kraftangan berasaskan kupang, menangkap ikan, ketam dan udang, pertanian, pengusaha chalet dan restoren makanan laut.

Seterusnya adalah dapatan melibatkan penerimaan komuniti nelayan terhadap program yang berkaitan dengan IRDA. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, hanya responden dari kategori I menyatakan bahawa adanya program yang khusus melibatkan komuniti nelayan daripada IRDA iaitu sekitar 50 peratus. Antara program yang jelas menampakkan penglibatan dan perubahan kepada golongan nelayan adalah KIM iaitu sekitar 57 peratus. Responden kategori I juga bersetuju dengan pelaksanaan projek KIM khusus untuk nelayan iaitu seramai 55 peratus. Bagi responden kategori II, mereka tahu bahawa projek KIM adalah bagus dan menyambut baik walaupun mereka kini bukanlah nelayan

Jadual 4: Demografi responden

Perkara		Kategori		
		I	II	III
Jantina	Lelaki	76	28	9
	Wanita	51	37	10
Umur	21 – 30 tahun	3	10	2
	31 – 40 tahun	19	18	0
	41 – 50 tahun	41	7	9
	51 – 60 tahun	40	20	5
	61 – 70 tahun	16	7	2
	> 71 tahun	8	3	1
Tahap Pendidikan	Tiada Pendidikan formal	9	4	1
	Sekolah Rendah (UPSR)	47	12	8
	Sekolah Menengah Rendah (PMR)	22	7	6
	Sekolah Menengah (SPM)	39	26	4
	Sekolah Menengah Tinggi (STPM)	4	1	0
	Kolej/Maktab	3	8	0
	Universiti	3	7	0
Pekerjaan	Suri Rumah	14	21	3
	Bekerja Sendiri	21	16	0
	Pekerja Swasta	15	16	0
	Pekerja Awam	5	4	0
	Nelayan	66	0	16
	Pesara	6	8	0
Pendapatan	< RM1000	68	24	18
	RM1001 – RM2000	50	19	1
	RM2001 – RM3000	4	14	0
	RM3001 – RM4000	3	4	0
	RM4001 – RM5000	1	2	0
	> RM5001	1	2	0

iaitu sekitar 71 peratus. Mereka menerima dengan baik program ini dan menambah baik kelangsungan program ini kepada penduduk di kawasan tersebut. Penerimaan komuniti terhadap program berkaitan IRDA juga didorong oleh sikap kronisme yang wujud dalam pengurusan

di sesebuah kampung dan penetapan syarat untuk menyertainya. Dapatan menunjukkan wujudnya sikap kronisme di kawasan kategori I, II dan II iaitu 70 peratus, 39 peratus dan 61 peratus masing-masing. Penetapan syarat sangat mempengaruhi responden di kategori I dan

II iaitu 56 peratus dan 46 peratus berbanding hanya 5.3 peratus untuk kategori III. Ini kerana, kategori III tidak mendapat program-program lain daripada IRDA khususnya untuk nelayan. Walau bagaimanapun, responden dari kategori I, II dan III, menyatakan kini boleh menyesuaikan diri dengan aktiviti dan program pembangunan yang dilaksanakan oleh IRDA di kawasan mereka iaitu sekitar 57 peratus, 69 peratus dan 21 peratus.

Berhubung dengan projek KIM yang dilaksanakan, dapatan kajian juga meneliti tentang impak dari projek KIM yang dilaksanakan tersebut. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, responden menyatakan bahawa projek KIM telah berupaya meningkatkan taraf ekonomi peserta dan komuniti setempat terutamanya melibatkan kategori I dan II. Seramai 48 peratus responden kategori I dan 69 peratus kategori II menyatakan projek KIM berjaya melibatkan penyertaan daripada penduduk kampung selaku komuniti setempat menyertai program ini. Responden juga menyatakan bahawa projek KIM yang dilaksanakan ini telah berjaya meningkatkan pendapatan harian peserta dan penduduk iaitu 44 peratus kategori I dan 46 peratus kategori II serta mewujudkan peluang pekerjaan di sekitar kawasan kampung mereka iaitu 45 peratus kategori I dan 51 peratus kategori II. Melalui projek KIM, sebuah koperasi penduduk telah dibentuk. Pewujudkan koperasi ini bertujuan mentadbir dan mengurus pelaksanaan aktiviti projek KIM yang dijalankan. Pembangunan ekonomi penduduk kampung berasaskan koperasi adalah satu model pembangunan masyarakat yang berjaya. Kerjasama sebagai satu pasukan di bawah satu koperasi penduduk kampung lebih membantu melonjakkan proses dan aktiviti ekonomi yang sedia ada berlangsung di kawasan KIM. Secara umumnya, sejak KIM diperkenalkan pada tahun 2013, terdapat peningkatan dalam jumlah pelancong dan juga pendapatan terkumpul koperasi KIM yang terlibat. Contohnya, jumlah pelancong ke kawasan KIM telah meningkat iaitu 8000 pelancong (2015), 9000 orang (2016), 15000 orang (2017) dan 35000 orang (2018). Manakala jumlah pendapatan terkumpul

pula telah meningkat dari sehingga 53 peatus (Iskandar Malaysia, 2013; Iskandar Malaysia, 2014; Iskandar Malaysia, 2015; Iskandar Malaysia, 2016; Iskandar Malaysia, 2017; Iskandar Malaysia, 2018).

Melalui projek KIM juga, membantu koperasi untuk mempunyai infrastruktur asas dan sokongan bagi membolehkan aktiviti ekonomi yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar dan memudahkan semua pihak memberikan dan mendapatkan perkhidmatan yang terbaik. Infrastruktur ini adalah sangat diperlukan dan memberi sokongan kepada aktiviti ekonomi yang giat dilaksanakan seperti aktiviti ekopelancongan, pembekalan makanan dan pemasaran produk hasil laut. Infrastruktur yang diberikan merangkumi pejabat pengurusan dan pentadbiran koperasi, tapak dan premis perniagaan, tandas, parkir dan surau. Turut diperkenalkan juga melalui projek KIM adalah masyarakat rendah karbon atau *low carbon society* (Siong & Matsuoka, 2012) dengan pemberian infrastruktur seperti sistem solar dan *biodigester*. Secara keseluruhannya, projek KIM telah memberikan impak kepada responden di kategori I iaitu 48 peratus dan II iaitu 58 peratus. Sebaliknya, bagi responden kategori III, mereka tidak dapat merasakan impak daripada projek KIM ini kerana program ini tidak berlangsung di Kawasan mereka walaupun kawasan tersebut berada di dalam WIM. Ironinya, rata-rata mereka mengetahui bahawa projek KIM ini adalah program yang terbaik untuk pembangunan ekonomi dan komuniti dan membantu pemerkasaan program ekopelancongan yang telah berjalan di kawasan mereka.

Tidak boleh dinafikan, pembangunan WIM banyak membuka dan memberikan peluang yang berfaedah kepada penduduk setempat sama ada individu, berkumpulan mahupun keseluruhan kawasan untuk menikmati dan merasainya. Proses pembangunan ini adalah di antara faktor yang mewujudkan usahasama dan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan. Antaranya, adalah turut serta membangun dan memperkasa komuniti setempat seiring dengan

pembangunan di kawasan sekelilingnya. Seperti contoh, 32 peratus dari kategori I dan 58 peratus dari kategori II menyatakan wujudnya peluang untuk memperkasakan diri mereka seiring dengan pembangunan yang berlangsung. Ada bantuan diberikan oleh agensi kerajaan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk kemudahan penggunaan kawasan rizab sungai, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang memberikan bantuan pembinaan kelong memancing, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) memberikan bantuan dalam meluluskan pembentukan syarikat dan sokongan sumber kewangan.

Di samping itu juga, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga turut serta membantu penduduk dan kawasan berpotensi terutamanya melibatkan isu tanah untuk mendirikan premis perniagaan dan pejabat koperasi KIM. Selain itu, 61 peratus dari kategori I dan 60 peratus dari kategori II serta 47 peratus dari kategori III menyatakan wujudnya usaha menambah baik kemudahan infrastruktur sedia ada di kawasan mereka. Antaranya, infrastruktur asas seperti akses jalan raya berturap sehingga ke dalam kampung dan kemudahan pengangkutan yang ditambah baik untuk keselesaan semua. Antara peluang lain yang wujud dari pembangunan WIM kepada penduduk setempat adalah peluang pekerjaan yang bertambah untuk pelbagai sektor terutamanya perkilangan di kawasan berhampiran. Pada masa yang sama, permintaan kepada ekopelancongan dan perkhidmatan telah meningkat terutamanya dari warga asing dan pelancong tempatan. Sebagai tambahan, beberapa agensi dan badan pemberi bantuan kewangan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usahaniaga (TEKUN) serta Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut membantu pengusaha pelancongan, pengusaha industri kecil dan sederhana dan usahawan kampung yang ingin mengembangkan perusahaan, syarikat dan perkhidmatan mereka. Sementara itu, pembangunan di WIM ini juga membawa kemasukan ramai pelancong seterusnya membantu meningkatkan pendapatan penduduk yang terlibat. Kebanyakan peluang ini dirasakan oleh penduduk di kategori I dan II.

Bagi kategori III, walaupun kawasan ini berada di dalam WIM dan juga merupakan destinasi pelancongan namun, usaha pembangunan WIM yang berlangsung tidak dirasakan oleh penduduk setempat di kawasan ini.

Sementara itu, pembangunan WIM juga mewujudkan cabaran dan ia terpaksa di hadapi oleh penduduk setempat. Antaranya, melibatkan ideologi dan fahaman politik. Ada di kalangan penduduk yang masih mengagungkan pemerintahan lalu. Mereka mengamalkan sikap pilih kasih dan budaya kronisme terutamanya melibatkan koperasi. Responden juga menyatakan wujudnya sikap yang tidak adil dalam mengagihkan dana memberikan maklumat yang tidak telus di samping ada yang menyalahgunakan kuasa dengan menjalankan pembangunan untuk kepentingan peribadi. Selain tu, ada juga dalam kalangan pengurusan koperasi yang memberi keutamaan kepada orang luar berbanding penduduk kampung menjadi ahli koperasi. Dapatan juga menunjukkan wujudnya cabaran dalam hubungan kemasyarakatan. Contohnya, wujud sikap dan budaya berpuk-puak, menolak pembaharuan, kurang memberi kerjasama serta tidak bersikap terbuka menyebabkan pembangunan WIM tidak dapat berjalan dengan lancar dan sering mendapat tentangan dari golongan ini. Ada juga yang menyatakan wujudnya persaingan yang tidak sihat antara pengusaha dan penjual dalam memasarkan produk yang dihasilkan di kawasan KIM yang sama.

Pembangunan di WIM juga menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas, ancaman keselamatan dan bertambah kepadatan penduduk warga asing di kawasan sekitar. Pembangunan WIM juga menyebabkan berlakunya pencemaran alam sekitar seperti pencemaran sungai, udara juga menyebabkan spesies di kawasan terlibat semakin pupus. Sementara itu, sungai dan laut juga menjadi semakin cetek dan sempit, hasil laut semakin berkurang sekali gus menjejaskan pendapatan utama penduduk yang merupakan nelayan. Secara keseluruhannya, responden berpendapat bahawa cabaran terhadap pembangunan WIM

adalah sederhana iaitu 33 peratus untuk kesemua kawasan kategori I, II dan III.

Kesimpulan

Projek KIM yang dimulakan oleh IRDA sejak 2013 di Kampung Sungai Melayu, Kongkong Laut, Permas Besar dan Ulu Pulau adalah satu inisiatif yang terbaik. Projek ini sangat membantu golongan yang terfokus (Kostetska & Berezyak, 2014) dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi mereka. Pada masa yang sama, mempunyai objektif yang baik serta memberikan impak sosial melalui tindakan berinovatif yang dilakukan (Seelos & Mair, 2005; Nichholls & Cho, 2006; Thompson, 2008; Noruzi, Westover & Rahimi, 2010; Greblikaite, 2012), dan menjadi alat untuk pembangunan sosioekonomi penduduk dan kawasan yang terlibat. Melalui projek KIM juga, masyarakat pesisir mengambil peluang untuk terlibat sama dalam pembangunan di samping mengurangkan masalah sosial, memperkasa (Young, 2006; Thompson, 2008), dan memperhebat komuniti serta keterangkuman sosial mereka di WIM yang sedang membangun dengan pesat. Sebagai tambahan, program ini juga menunjukkan penglibatan bersama rakan kongsi utama di WIM untuk membangunkan penduduk setempat mendepani peluang dan cabaran dari pembangunan yang sedang berlangsung itu.

Impak positif seperti peluang pekerjaan, pembangunan sendiri, peningkatan pendapatan dan keterangkuman sosial serta penglibatan bersama agensi dan komuniti lebih terserlah melalui projek KIM serta pembentukan sebuah koperasi yang diurus dan ditadbir oleh penduduk itu sendiri merupakan satu kejayaan yang besar. Walaubagaimanapun, cabaran seperti penglibatan menyeluruh penduduk masih menampakkan kekurangan menyebabkan masih wujud penduduk yang masih terpinggir.

Usaha menambah baik bagi program ini agar terus lestari, efisien dan bermanfaat adalah langkah yang terbaik. Berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi, dicadangkan untuk menambah baik terhadap isu governans

dan pengurusan bersama. Ini membolehkan adalah pembangunan bersepadu dan pengurusan bersama semua pihak berkepentingan dan meningkatkan penglibatan semua secara menyeluruh. Bagi mewujudkan akses yang mudah kepada kawasan KIM, juga dicadangkan usaha menaik taraf infrastruktur asas termasuklah akses pengangkutan awam terus ke kawasan yang mempunyai projek KIM. Sementara itu, pihak koperasi perlu mengambil berat isu keahlian iaitu lebih mengutamakan ahli dalam kalangan penduduk sekitar. Pada masa yang sama, koperasi lebih berjiwa besar dan berpandangan ke hadapan. Antaranya untuk mempunyai tapak operasi yang kekal, mengurangkan birokrasi kepada peserta baharu yang ingin menjadi usahawan dalam projek KIM dan penetapan kadar sewa premis yang diuruskan oleh koperasi di samping bersikap lebih terbuka dan adil antara peserta dan penduduk kampung untuk memastikan faedah dari pewujudkan koperasi itu lebih jelas. Setiap koperasi juga perlu lebih berstrategik dalam memohon keperluan tambahan atau menerima bantuan yang diberikan. Keutamaan harus diberikan ke arah untuk meningkatkan produktiviti dan melancarkan urusan perkhidmatan bidang fokus setiap aktiviti ekonomi yang berlangsung. Selain itu, pembangunan pakej atau produk baharu pelancongan juga perlu agar terus kekal relevan. Contohnya dengan memperkenalkan geoplancongan yang memberi pengalaman baharu kepada para pelancong seperti aktiviti penerokaan alam dan mempelajari ilmu tentang alam, menghormati alam di samping mempromosikan amalan pelancongan lestari dan terintegrasi antara alam dan manusia (Ibrahim *et al.*, 2018; Ibrahim, 2019).

Penghargaan

Penghargaan tertinggi diberikan kepada Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan Unit Endowmen UTM serta 1) Geran Kursi Profesor Iskandar Malaysia (R.J130000.7309.4B338); 2) Geran Pembangunan Lestari Wilayah – Kajian Kes Iskandar Malaysia dan Geopark Kebangsaan

(Q.J130000.21A2.04E41); dan 3) Geran Kajian Awal Pembangunan Mersing Geopark (Q.J130000.2509.19H78) atas sokongan dana kewangan dan penyelidikan untuk digunakan bagi membiaya dan menjayakan penyelidikan ini. Penghargaan juga diberikan kepada Wan Daraputri Razali, Nik Sabrina Abdullah, Nur Farhani Ismail, Nurul Idayu Sulong dan Tengku Nor Afiza Tengku Mohamed Nasir atas bantuan menjayakan penyelidikan ini.

Rujukan

- Allendorf, K. (2007). Couples' reports of women's autonomy and health-care use in Nepal. *Studies in Family Planning*, 38, 35-46. DOI:10.1111/j.1728-4465.2007.00114.x
- Azreen, R. A., Chan, N. W., & Badaruddin, M. (2013). Potential and challenges of involving Indigenous Communities in ecotourism in Belum-Temengor Forest Complex, Perak Malaysia. *Proceedings of International Conference on Tourism Development: Building and Future of Tourism. Sustainable Tourism Research Cluster*, Penang, 2013. pp. 332-344. ISBN: 978-976-394-133-9.
- Blamey, R. K. (2001). Principles of ecotourism. In Weaver, D. B. (Ed.), *The encyclopaedia of ecotourism* (pp. 1-20). Wallingford: CABI Publishing.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2006). *Qualitative research for education: An introductory to theory and methods* (5th ed.). Needham Heights: Allyn and Bacon.
- Butler, R. W. (1980). The concept of a tourist area cycle of evolution: Implication for management of resources. *Canadian Geographer*, 24(1), 5-12.
- Ceballos-Lascurain, H. (1996). *Tourism, ecotourism, and protected areas: The state of nature-based tourism around the world and guidelines for its development*. Gland: IUCN. DOI: 10.2305/IUCN.CH.1996.7.en.
- Chan, N. W., & Barrow, C. J. (2010). The potential for tourism to support sustainable development in Cameron Highlands. In Kadir, D., & Jabil, M. (Eds.), *Tourism research in Malaysia: What, which way and so what?* (pp.107-130). Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Christopher Perumal, Zaini Sakawi & Siti Khatijah Zamhari. (2016). Impak ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Malaysia: Kajian kes komuniti nelayan Bagan Lalang, Sepang, Selangor. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(4), 94-108.
- Cooper, D. R., & Schindler, P. S. (2014). *Business research methods* (12th ed.). Singapore: McGraw Hill Education.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2007). *Designing and conducting mixed method research*. California: Sage Publication.
- Dina Syamilah Zaid & Abdul Mutalib Mohamed Azim. (2020). Ekopelancongan memberi kesan positif kepada kesedaran dan tingkah laku pemuliharaan. *Jurnal Hospitaliti dan Jaringan*, 1, 19-26.
- Duffy, R. (2002). *A trip too far: Ecotourism, politics and exploitation*. London: Routledge. DOI: 10.4324/9781849770347.
- Eagles, P. F. J. (1996). Fragile landscapes: Seeking eco-benefits. *Ecodecision*, 20, 17-20.
- Er Ah Choy & Nurul Bariah Mat Lazim. (2013). Tahap kefahaman ekopelancongan dalam kalangan komuniti lokal di Lata Jarum, Raub, Pahang. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 8(2), 27-34.
- Er Ah Choy, Rosniza Aznie Che Rose, Novel Lyndon, Mohd Azlan Abdullah, Adam, J. H. (2012). Ekopelancongan dan analisis sosioekonomi komuniti Ulu Dong. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 8(9), 46-52.
- Er, A. C., & Nurul, B. M. T. (2013). Tahap kefahaman ekopelancongan dalam kalangan komuniti lokal di Lata Jarum, Raub, Pahang. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 8(2), 27-34.

- Fien, J. (1997). Stand up, stand up and be counted: undermining myths of environmental education. *Australian Journal of Environmental Education*, 13, 21-26. DOI: <https://doi.org/10.1017/S0814062600002792>.
- Fox, L., & Romero, C. (2017). In the mind, the household, or the market? Concepts and measurement of women's economic empowerment. *Policy Research Working Paper Series 8079*, The World Bank. DOI: 10.1596/1813-9450-8079.
- Global Affairs Canada. (2013). *Women's economic empowerment: Guidance note*. Quebec, Canada: The Department of Foreign Affairs, Trade and Development.
- Golla, A. M., Malhotra, A., Nanda, P., & Mehra, R. (2011). *Understanding and measuring women's economic empowerment: definition, framework and indicators*. Washington, DC: International Center for Research on Women.
- Greblikaite, J. (2012). Development of social entrepreneurship: Challenge for Lithuanian researchers. *European Integration Studies*, 6, 210-215. DOI: 10.5755/j01.eis.0.6.1498
- Hall, C. M. (1998). *Introduction to tourism: Development, dimensions and issues*. South Melbourne, Australia: Addison Wesley Longman Limited.
- Hasin, F., Hasan, A. K. M. B., & Musa, H. (2018). Women Empowerment Model: Strategies to overcome challenges. *J Fundam Appl Sci.*, 10(1S), 1068-1083. DOI: <http://dx.doi.org/10.4314/jfas.v10i1s.78>.
- Hazura, A. B. (2009). *Hubungan antara penghayatan agama, nilai hidup dan pengetahuan alam sekitar pelajar Muslim dengan sikap dan tingkah laku*. (PhD Thesis. Universiti Sains Malaysia). Unpublished.
- Higham, J. (2007). Ecotourism: Competing and conflicting schools of thought. In Higham, J. (Ed.), *Critical issues in ecotourism: Understanding a complex tourism phenomenon*. Oxford: Elsevier Ltd.
- Hopkins, C., & McKeown, R. (2002). Environment education for sustainability: Responding to the global challenges. In Tilbury, D., Stevenson, R. B., Fien, J., & Schreuder, D. (Eds.), *Education and sustainability: Responding to the global challenge* (pp 13-24). Cambridge: IUCN (World Conservation Union).
- Huckle, J. (2009). Sustainable schools: Responding to new challenges and opportunities. *Geography*, 94(1), 13-21. DOI: 10.1080/00167487.2009.12094247.
- Ibrahim, K. (2019). *Tindakan kelestarian: Meneraju pembangunan lestari Wilayah Johor*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Ibrahim, K., Sharina, A. H., & Norzaini, A. (2018). Geotourism in Langkawi UNESCO Global Geopark, Malaysia. In Dowling, R., & Newsome, D. (Eds.), *Handbook of geotourism* (520 pp.). Cheltenham, United Kingdom: Edward Elgar Pub.
- Iskandar Malaysia. (2012). *Inspiring aspirations. Annual Report 2012*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Iskandar Malaysia. (2013). *Merintis peluang ke arah kemampanan. Laporan Tahunan 2013*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Iskandar Malaysia. (2014). *Comprehensive Development Plan ii Iskandar Malaysia 2014 - 2015*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Iskandar Malaysia. (2014). *Merealisasikan pembangunan yang mampan. Laporan Tahunan 2014*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Iskandar Malaysia. (2015). *Alami Iskandar Malaysia, Peluang Antarabangsa. Laporan Tahunan 2015*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Iskandar Malaysia. (2016). *Sedekad kecemerlangan. Laporan Tahunan 2016*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.

- Iskandar Malaysia. (2017). *Berinovasi untuk kemampanan masa depan. Laporan Tahunan 2017*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Iskandar Malaysia. (2018). *Rejuvenasi potensi kelangsung pertumbuhan. Laporan Tahunan 2018*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa. (1996). *Pelan Ekopelancongan Kebangsaan*. Malaysia: Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.
- Joshi, U. (2009). Education for sustainable development - The role of universities. *International Forum of Teaching and Studies: Marietta*, 5(1), 62-67,73.
- Kabeer, N. (2005). Gender equality and women's empowerment: A critical analysis of the third millennium development goal. *Gender and Development*, 13(1), 13-24. DOI: 10.1080/13552070512331332273.
- Kim, K., Uysal, M., & Sirgy, M. J. (2013). How does tourism in a community impact the quality of life of community residents? *Tourism Management*, 36, 527-540.
- Kostetka, I., & Berezyak, I. (2014). Social entrepreneurship as an innovative solution mechanism of social problems of society. *Management Theory and Studies for Rural Business and Infrastructure Development*, 36(3), 569-577. DOI: 10.15544/mts.2014.053
- Leedy, P. D., & Ormrod, J. E. (2013). *Practical research: Planning and design* (10th ed.). United States: Pearson Education.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis: An expanded sourcebook*. Beverly Hills: Sage Publications.
- Moroye, C. M. (2005). Common ground: An ecological perspective on teaching and learning. *Curriculum and Teaching Dialogue*, 7(1/2), 123-129.
- Neck, H., Brush, C., & Allen, E. (2009). The landscape of social entrepreneurship. *Business Horizons*, 52, 13-19. DOI: 10.1016/j.bushor.2008.09.002
- Nicholls, A., & Cho, A. H. (2006). Social entrepreneurship: The structuration of a field. In Nicholls, A. (Ed.), *Social entrepreneurship new models of sustainable change* (pp. 56-73). New York: Oxford University Press.
- Noruzi, M. R., Westover, J. H., & Rahimi, G. R. (2010). An exploration of social entrepreneurship in the entrepreneurship era. *Asian Social Science*, 6(6), 3-10. DOI: 10.5539/ass.v6n6p3
- Norzaini, A., Ibrahim, K., Ibrahim, C. O., Yarina, A., Yusliza, M. Y., Syed Najmuddin, S. H., Rezuwan, K., Nik Sabrina, A., Noramalina, A. B., & Mohd Ferdaus, H. (2017). *Membina ekosistem akademik berasaskan akademik berbudaya cemerlang*. Laporan Akhir Kajian Penyelidikan.
- Perman, R., Ma, Y., McGilvray, J., & Common, M. (2003). *Natural resource and environmental economics*. Harlow: Pearson Education Limited.
- Reichert, J. (1994). Ecotourism principles. Presented at the *International Ecotourism Society's International Eco-Lodge Development Forum and Field Seminar*, Maho Bay, USA, 1994.
- Reimer, J. K., & Walter, P. (2013). How do you know it when you see it? Community-based ecotourism in Cardamom Mountains of Southwestern Cambodia. *Tourism Management*, 34, 122-132. DOI: 10.1016/j.tourman.2012.04.002.
- Ross, S., & Wall, G. (1999). Evaluating ecotourism: The case of North Sulawesi, Indonesia. *Tourism Management*, 20, 673-682.
- Rowlands, J. (1997). *Questioning empowerment: Working with women in Honduras*. Dublin: An Oxfam Publication.

- Sarmila, M. S., Zaimah, R., Lyndon, N., Azima, A. M., Suhana, S., & Selvadurai, S. (2012). Tanggungjawab sosial korporat dan pembangunan ekonomi komuniti: Kajian kes perspektif komuniti penerima. *GEOGRAFIA Online™ Malaysia Journal of Society and Space*, 8(9), 1-12.
- Scheyvens, R. (1999). Ecotourism and the empowerment of local communities. *Tourism Management*, 20, 245-249. DOI: 10.1016/S0261-5177(98)00069-7.
- Scoullou, M. J., & Malotidi, V. (2004). *Handbook on methods used in environmental education and education for sustainable development*. Athens: Mediterranean Information Office for Environment, Culture and Sustainable Development.
- Seelos, C., & Mair, J. (2005). Social entrepreneurship: Creating new business models to serve the poor. *Business Horizons*, 48, 241-246. DOI: 10.1016/j.bushor.2004.11.006
- Siong, H. C., & Matsuoka, Y. (2012). *Low Carbon Society Blueprint for Iskandar Malaysia 2025 - Summary for policymakers* (56pp.). Johor Bahru: UTM-Loc Carbon Asia Research Centre.
- Sneddon, C., Howarth, R. B., & Norgaard, R. B. (2006). Sustainable development in a Post-Brundtland World. *Ecological Economics*, 57, 253-268. DOI:10.1016/j.ecolecon.2005.04.013
- Sterling, S. (2003). *Whole systems thinking as a basis paradigm change in education: Exploration in the context of sustainability*. (PhD Thesis. University of Bath). Unpublished.
- Steward, W. P., & Sekartjajarini, S. (1994). Disentangling ecotourism. *Annals of Tourism Research*, 21(4), 840-841.
- Suraiya, I., & Ahmad Raffis, C. O. (2015). Keusahawanan sosial sebagai satu pendekatan inovatif ke arah transformasi sosial masyarakat: Kajian kes di Malaysia. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*, 11(8), 38-51.
- Thompson, J. L. (2008). Social enterprise and social entrepreneurship: Where have we reached? A summary of issues and discussion points. *Social Enterprise Journal*, 4(2), 149-161. DOI: 10.1108/17508610810902039
- Tosun, C. (2000). Limits to community participation in the tourism development process in developing countries. *Tourism Management*, 21, 613-633.
- Tsaur, S. H., Lin, Y. C., & Lin, J. H. (2006). Evaluating ecotourism sustainability from the integrated perspective of resource, community and tourism. *Tourism Management*, 27, 640-653.
- VeneKlasen, L., & Miller, V. (2002). *A new weave of power, people and politics: The action guide for advocacy and citizen participation*. Oklahoma City: World Neighbors.
- Wearing, S., & Neil, J. (2009). *Ecotourism: Impacts, potentials and possibilities?* Oxford: Elsevier Ltd.
- Weaver, D. (2001). *Ecotourism*. Milton, Qld: John Wiley & Sons.
- World Commission on Environment and Development. (1987). *Our common future*. New York: Oxford University Press.
- Young, R. (2006). For what is worth: Social value and the future of social entrepreneurship. In Nichollis, A. (Ed.), *Social entrepreneurship new models of sustainable change* (pp. 56-73). New York: Oxford University Press.